

**PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) DIBAWAH
SEKSYEN 65 KANUN TANAH KERAJAAN (KTN)**

Q1. Bagaimana hendak memohon Lesen Pendudukan Sementara (TOL) ?

- i) Kenalpasti lokasi / semak lokasi di Unit Teknikal
- ii) Beli pelan (2 salinan – RM40.00) di Unit Teknikal dan seterusnya membuat permohonan melalui Borang LPS dan dikembalikan di Kaunter Unit Lesen Pendudukan Sementara (LMS).
- iii) Pastikan pemohon menerima Kad Putih beserta No Fail untuk rujukan pemohon.

Q2. Apakah itu Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ?

- i) LPS ialah satu bentuk proses pelupusan tanah yang bersifat sementara oleh Pihak Berkuasa Negeri. Ianya merupakan salah satu cara dimana Pihak Berkuasa Negeri membenarkan tanah tertentu diduduki mengikut Pekeliling PTGS Bil.4/2015 seperti berikut:-

a) Tanaman Kontan	}	Orang Awam
b) Tapak Semaian		
c) Pondok Pengawal	}	Persatuan / Komuniti
d) Papan Iklan		
e) Tempat Letak Kereta	}	Pihak Berkuasa Tempatan

Q3. Berapakah bayaran permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ?

- i) Pelan – RM 40 (2 salinan)
- ii) Bayaran Permohonan – RM 50

Q4. Kuasa meluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)?

- i) Tidak melebihi 1 ekar – Kelulusan Pentadbir Tanah
- ii) 1 ekar hingga 5 ekar – Kelulusan Pengarah Tanah Galian
Selangor
- iii) Melebihi 5 ekar – Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri



Q5. Bagaimanakah cara memohon Lesen Pendudukan Sementara (LPS) ?

- i) Beli Pelan di Unit Teknikal (2 Salinan) – RM40.00
- ii) Isi borang permohonan di Unit LMS dan dikembalikan dengan maklumat yang lengkap seperti berikut :

Individu

- 2 Salinan Kad Pengenalan
- 2 keping pelan lokasi yang disahkan oleh Unit Teknikal
- Resit Bayaran permohonan

Syarikat

- 2 Salinan Kad Pengenalan
- 1 Salinan Memorandum And Article Of Association (MMA) berserta Borang 24 dan Borang 49 lengkap dan terkini atau Annual Return of Company Having Ashare Capital yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat Berlesen.
- 2 keping pelan lokasi yang disahkan oleh Unit Teknikal
- Resit Bayaran permohonan

Q6. Berapakah bayaran yang harus dikenakan sekiranya pemohon Lesen Pendudukan Sementara (LMS) diluluskan?

- i) Ianya mengikut kepada keluasan tanah yang diluluskan dan mengikut nilai tanah sewaan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH).

Q7. Berapa lama tempoh sah Lesen Pendudukan Sementara diluluskan?

- i) 1 + 3 Tahun Pembaharuan

Q8. Bagaimanakah untuk memba harui Lesen Pendudukan Sementara (LMS) diluluskan?

- i) Pemohon diminta mengemukakan Lesen Asal dan membuat permohonan semula di Unit LMS.
- 